

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN**

9. Terdapat golongan muda berstatus kakitangan awam termasuklah dari kalangan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang yang berkelayakan ingin melanjutkan Pengajian Jarak Jauh (PJJ):
- (a) Adakah kerajaan memberikan bantuan yuran untuk Pengajian Jarak Jauh (PJJ)?
 - (b) Mencadangkan supaya diberikan bantuan yuran pengajian kerana tidak semua kakitangan awam berpendapatan tinggi untuk melanjutkan pelajaran.

JAWAPAN OLEH Y.A.B KETUA MENTERI

9. (a) Secara umumnya, setiap orang adalah digalakkan untuk belajar secara berterusan termasuk anggota perkhidmatan awam bagi mengubah cara kehidupan keluarga mereka terutama sekali dari segi ekonomi dan kewangan. Bagi pegawai awam yang ingin melanjutkan pelajaran secara Pengajian Jarak Jauh, kerajaan ada menawarkan **Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa**. Penajaan ini adalah ditawarkan kepada pegawai-pegawai kerajaan dari kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi mengikuti pengajian peringkat Diploma Lulusan Ijazah, Sarjana dan PhD secara **separuh masa** di IPT dalam negara dan kerajaan akan

Commented [1]: <!--<div class="row">-->

Commented [2]: START TABLE 1

Commented [3]: <!--tr>
... <th colspan="2" class="text-center">02 OGOS 2018</th>
... </tr-->

menampung Yuran Pengajian, Elaun Buku dan Elaun Tesis.

Selain itu, kerajaan juga menawarkan Kemudahan Cuti Kursus Sambilan dan Pinjaman Boleh Ubah bagi kumpulan sokongan juga untuk Pengajian Secara Separuh Masa. Melalui semua kemudahan ini, Kerajaan amat berharap agar setiap anggota yang sedang berkhidmat dapat menjadikan sesi pembelajaran berterusan ini satu budaya agar Perkhidmatan Awam terutama sekali di Negeri Pulau Pinang dapat berkembang dan menjadi lebih efisien dan produktif.

- (b) Seperti mana yang telah dijelaskan di atas, Kerajaan sememangnya ada menawarkan penajaan berupa cuti belajar kepada penjawat awam bagi mengikuti pengajian Diploma Lepas Ijazah/Ijazah /Ijazah Lanjutan/ Sarjana dan PhD secara sepenuh masa dan juga separuh masa di IPT Dalam dan Luar Negara. Bagi kategori sepenuh masa, merangkumi cuti belajar bergaji penuh di samping menampung Yuran Pengajian, Elaun Buku dan Elaun Tesis. Manakala bagi kategori secara separuh masa di IPT Dalam Negara bagi menampung Yuran Pengajian, Elaun Buku dan Elaun Tesis sahaja.

```
Commented [4]: <!--<table><tbody>
. . . . .<tr>
. . . . .<td width="30%" height="20" valign="top"
class="text-left">ID479/PSUKPP (Bahagian DUN)</td>
. . . . .<td class="text-center" valign="top"
align="center"><div id="pageFooter"></div></td>
. . . . .</tr>
. . . . .</tbody>
.</table-->
```